

Insulatard[®]

100 IU/ml

Suspensi untuk suntikan

Dalam pen, FlexPen[®]

Insulin human (rDNA) (isophane insulin)

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Insulatard[®]
2. Bagaimana Insulatard[®] berfungsi
3. Sebelum mengambil Insulatard[®]
4. Cara menggunakan Insulatard[®]
5. Semasa menggunakan Insulatard[®]
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Insulatard[®]
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

1. Apakah kegunaan Insulatard[®]

Insulatard[®] adalah insulin human yang digunakan untuk merawat kencing manis. Kencing manis (*diabetes mellitus*) adalah suatu penyakit di mana badan anda tidak menghasilkan insulin yang cukup untuk mengawal paras gula darah anda.

2. Bagaimana Insulatard[®] berfungsi

Insulatard[®] adalah insulin yang bertindak jangka panjang. Ini bermaksud ia akan mula merendahkan paras gula darah anda sekitar 1 ½ jam selepas anda mengambilnya, dan kesan tersebut akan kekal kira-kira 24 jam. Insulatard[®] selalunya diberikan bersendirian atau bersama dengan produk-produk insulin yang bertindak pantas.

3. Sebelum mengambil Insulatard[®]

- *Bila tidak boleh mengambil*

- ▶ **Dalam pam infusi insulin.**
- ▶ **Jika anda alah (hipersensitif) terhadap insulin manusia atau mana-mana bahan lain di dalam Insulatard[®] (lihat bahagian 8. Maklumat lanjut).**

▶ **Jika anda mengesyaki hypoglycaemia** (paras gula darah rendah) bermula (lihat bahagian 4. *Cara menggunakan Insulatard[®]*).

▶ **Jika FlexPen[®] terjatuh, rosak, atau remuk.**

▶ **Jika ia tidak disimpan dengan betul** atau jika ia telah beku (lihat bahagian 7. *Cara penyimpanan dan pelupusan Insulatard[®]*).

▶ **Jika insulin yang diampai semula tidak kelihatan putih dan keruh sekata.**

- *Sebelum mula mengambil*

▶ **Periksa label untuk memastikan jenis insulin ini adalah betul.**

▶ **Selalu gunakan jarum baru** bagi setiap suntikan untuk mengelakkan jangkitan.

▶ **Jarum dan Insulatard[®] FlexPen[®] tidak boleh dikongsi.**

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Sesetengah ubat-ubatan menjejaskan cara glukosa bertindak di dalam badan anda dan ini mungkin mempengaruhi dos insulin anda. Disenaraikan di bawah adalah ubat-ubatan paling biasa yang mungkin menjejaskan rawatan insulin anda. Maklumkan doktor, jururawat atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil ubat-ubatan lain, termasuklah ubat-ubatan yang diperoleh tanpa preskripsi. Terutamanya, anda harus maklumkan doktor anda jika anda menggunakan ubat-ubatan lain yang telah disenaraikan yang mungkin menjejaskan paras gula darah anda.

Keperluan insulin anda mungkin berubah jika anda turut mengambil: ubat lain untuk rawatan kencing manis; perencat monoamine oksidase (MAOI), penghalang-beta, perencat enzim penukar angiotensin (*ACE inhibitors*); asid asetilsalisilik; steroid

anabolik; *sulphonamides*, pil perancang oral, *thiazides*; *glucocorticoids*; terapi hormon tiroid; *sympathomimetics*; hormon pertumbuhan; *danazol*; *octreotide* atau *lanreotide*.

Thiazolidinediones (kelas ubat antidiabetik oral yang digunakan untuk merawat kencing manis jenis 2). Sesetengah pesakit yang menghidapi kencing manis jenis 2 yang berjangka panjang dan penyakit jantung atau pernah menghidapi strok yang dirawat dengan *thiazolidinediones* berkombinasi dengan insulin mungkin akan mengalami kegagalan jantung. Maklumkan doktor anda secepat mungkin jika anda mengalami tanda-tanda kegagalan jantung seperti sesak nafas yang luar biasa atau peningkatan berat badan yang pantas atau bengkak setempat (*oedema*).

4. Cara menggunakan Insulatard[®]

- *Berapa banyak harus digunakan*

Bincangkan tentang keperluan insulin anda dengan doktor dan jururawat anda. Pastikan anda mengambil Insulatard[®] FlexPen[®] seperti yang diarahkan oleh doktor atau jururawat anda dan patuhi nasihat mereka dengan teliti. Jika doktor anda telah menukarkan anda daripada satu jenis atau jenama insulin kepada jenis atau jenama insulin berlainan, dos anda mungkin harus diubahsuai oleh doktor anda.

- *Bila perlu digunakan*

Insulatard[®] biasanya diberi sebaik sebelum makan. Bila perlu, Insulatard[®] boleh diberi serta merta selepas makan.

Insulatard®

100 IU/ml

Suspensi untuk suntikan

Dalam pen, FlexPen®

Insulin human (rDNA) (isophane insulin)

- **Bagaimana menggunakan Insulatard®**

Insulatard® diberikan secara suntikan di bawah kulit (*subcutaneously*). Jangan suntik insulin secara langsung ke dalam salur darah (*intravenously*) atau otot (*intramuscularly*). Selalu ubah tempat suntikan di kawasan yang sama untuk mengurangkan risiko mengalami benjolan atau lekukan kulit (lihat bahagian 6. *Kesan-kesan sampingan*). Tempat terbaik untuk memberi diri anda suntikan adalah: punggung anda; bahagian depan paha anda atau lengan atas.

Jangan menggunakan Insulatard® jika **insulin yang diampai semula** tidak kelihatan **putih dan keruh sekata**.

Suntikan insulin: Lihat helai arahan untuk maklumat terperinci.

- **Berapa lama perlu digunakan**

Teruskan mengambil Insulatard® untuk selama doktor anda mencadangkan.

Hiperglisemia dan ketoasidosis kencing manis mungkin berlaku berikutan dos insulin yang diambil tidak mencukupi atau penghentian rawatan, terutamanya dalam golongan pesakit kencing manis jenis 1.

- **Jika terlupa menggunakan**

Paras gula darah anda mungkin menjadi terlalu tinggi (ini dipanggil *hyperglycaemia*).

Tanda-tanda amaran muncul perlahan-lahan. Ini termasuklah: buang air kecil lebih kerap; dahaga; hilang selera; rasa tidak sihat (loya atau muntah-muntah); rasa mengantuk atau letih; kulit kering dan kemerahan;

mulut kering dan nafas berbau buah-buahan (*acetone*).

Jika anda mengalami mana-mana tanda ini, uji paras gula darah anda dan periksa air kencing anda untuk *ketone* jika boleh. Kemudian dapatkan nasihat perubatan dengan segera.

Ini mungkin tanda-tanda kepada keadaan yang sangat serius dipanggil ketoasidosis kencing manis. Jika anda tidak merawatnya, ia boleh menyebabkan kehilangan kesedaran disebabkan oleh kencing manis (*diabetic coma*) dan akhirnya kematian.

Sebab-sebab hyperglycaemia

- ▶ Terlupa mengambil insulin anda.
- ▶ Berulang kali mengambil insulin kurang daripada apa yang anda perlukan.
- ▶ Jangkitan atau demam.
- ▶ Makan lebih banyak daripada biasa.
- ▶ Bersukan kurang daripada biasa.

- **Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Paras gula darah anda mungkin menjadi terlalu rendah (ini dipanggil *hypoglycaemia*).

Tanda-tanda amaran hypo boleh terjadi secara tiba-tiba dan ini termasuklah: peluh sejuk; kulit pucat dan dingin; sakit kepala; denyutan jantung pantas; berasa tidak sihat; berasa sangat lapar; perubahan penglihatan sementara; berasa mengantuk; letih dan lemah yang luar biasa; gemuruh atau menggigil; berasa cemas; berasa keliru; sukar menumpukan perhatian.

Jika anda mengalami mana-mana tanda ini, makan ubat biji glukosa atau snek bergula tinggi (gula-gula, biskut, jus buah), kemudian rehat.

Sebab-sebab hypoglycaemia

Anda akan mengalami *hypo* jika gula darah anda terlalu rendah. Kejadian ini mungkin akan berlaku:

- ▶ Jika anda terambil terlalu banyak insulin.
- ▶ Jika anda makan terlalu sedikit atau terlepas makan.
- ▶ Jika anda bersenam lebih daripada biasa.

Menggunakan glukagon

Anda boleh sedar lebih cepat dengan suntikan hormon glukagon oleh seseorang yang tahu menggunakannya. Jika anda diberi glukagon, anda akan memerlukan glukosa atau snek yang bergula sebaik sahaja anda sedar. Jika anda tidak bertindak balas terhadap rawatan glukagon, anda harus dirawat di hospital. Dapatkan nasihat perubatan selepas suntikan glukagon: anda perlu mencari sebab *hypo* anda untuk mengelakkan ia terjadi lagi.

5. Semasa menggunakan Insulatard®

- **Perkara yang perlu dilakukan**

Anda digalakkan untuk mengukur paras gula darah dengan kerap.

- **Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan ambil sebarang insulin jika anda rasa *hypo* sedang berlaku. Bawakan ubat biji glukosa, gula-gula, biskut atau jus buah dengan anda, jika diperlukan.

Maklumkan saudara, kawan, dan rakan kerja rapat jika anda pengsan (tidak sedarkan diri), mereka mesti memusingkan anda ke sisi anda dan dapatkan bantuan perubatan segera. Mereka **tidak harus** memberikan anda sebarang makanan atau minuman kerana ia boleh menyebabkan anda tercekik.

► **Jika hypoglycaemia yang teruk** tidak dirawat, ia akan mengakibatkan kerosakan otak (sementara atau selama-lamanya) dan juga kematian.

► **Jika anda mengalami hypo** yang menyebabkan anda pengsan, ataupun banyak hypo, maklukkannya kepada doktor anda. Jumlah atau masa pengambilan insulin, makanan atau sukan mungkin perlu diubahsuai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

► **Jika anda menghadapi masalah** dengan buah pinggang atau hati anda, atau dengan kelenjar adrenal, pituitari atau tiroid anda.

► **Jika anda minum alkohol**, perhatikan tanda-tanda hypo dan jangan minum alkohol semasa perut sedang kosong.

► **Jika anda bersukan** lebih daripada biasa atau anda ingin mengubah diet biasa anda, kerana ini mungkin akan menjejaskan paras gula darah anda.

► **Jika anda sakit** teruskan ambil insulin anda dan jumpa dengan doktor anda.

► **Jika anda akan ke luar negara**, perjalanan ke zon-zon masa yang berlainan mungkin akan menjejaskan keperluan insulin anda dan masa suntikan anda diberikan. Berjumpa dengan doktor anda jika anda berancang untuk mengambil perjalanan yang sedemikian.

Kehamilan dan menyusui

Tidak ada sekatan terhadap rawatan dengan Insulatard® semasa kehamilan atau menyusui, sila hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat.

Memandu dan menggunakan mesin
Jika anda memandu atau menggunakan mesin, perhatikan tanda-tanda hypo. Keupayaan untuk menumpukan perhatian atau bertindak

balas akan kurang semasa hypo. Jangan sekali-kali memandu atau menggunakan mesin jika anda rasa hypo datang. Bincang dengan doktor anda sama ada anda boleh memandu atau menggunakan mesin sama sekali, jika anda mempunyai banyak hypo atau jika anda merasa sukar untuk mengenali hypo.

Perubahan kulit di tempat suntikan

Tukarkan tempat suntikan setiap hari tetapi masih kawasan suntikan yang sama untuk membantu mencegah perubahan pada tisu lemak di bawah kulit, seperti penebalan kulit, kulit mengecut atau gumpalan di bawah kulit. Insulin mungkin tidak berfungsi dengan baik jika anda menyuntik ke kawasan yang benjol, mengecut atau menebal (lihat bahagian 4. *Cara menggunakan Insulatard®*). Beritahu doktor anda jika anda terlihat ada perubahan kulit di tempat suntikan. Beritahu doktor anda jika anda sedang menyuntik ke kawasan kulit yang terjejas sebelum anda mula menyuntik di kawasan lain. Doktor anda mungkin memberitahu anda untuk memeriksa paras gula darah anda dengan lebih kerap, dan melaraskan dos insulin atau ubat antidiabetik anda yang lain.

6. Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Insulatard® boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan mungkin berlaku dengan kekerapan tertentu, yang dijelaskan seperti berikut:

- Sangat biasa: menjejaskan lebih dari 1 dalam 10 pengguna
- Tidak biasa: menjejaskan 1 dalam 100 pengguna
- Sangat jarang: menjejaskan kurang dari 1 dalam 10,000 pengguna

Kesan-kesan sampingan yang sangat biasa berlaku

Paras gula darah rendah (hypoglycaemia). Sila lihat nasihat di bahagian 4. *Cara menggunakan Insulatard®* bawah *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*.

Kesan-kesan sampingan yang tidak biasa berlaku

Perubahan kulit di tempat suntikan.

Sekiranya anda menyuntik insulin di tempat yang sama, tisu lemak boleh mengecut (*lipoatrophy*) atau menebal (*lipohypertrophy*) (boleh menjejaskan kurang dari 1 dalam 100 pengguna). Gumpalan bawah kulit juga mungkin disebabkan oleh penumpulan protein amiloid (amiloidosis kulit; kekerapan kejadian ini tidak diketahui). Insulin mungkin tidak berfungsi dengan baik jika anda menyuntik ke kawasan yang kulit yang gumpalan, mengecut atau menebal. Tukarkan tempat suntikan dengan setiap suntikan untuk membantu mencegah perubahan kulit ini.

Tanda-tanda alahan. Tindak balas (kemerah-merahan, bengkak, gatal-gatal) pada tempat suntikan mungkin berlaku (tindak balas alahan setempat). Ini biasanya hilang selepas beberapa minggu anda mengambil insulin. Jika ia tidak hilang, jumpa doktor anda.

Dapatkan nasihat perubatan dengan segera:

- Jika tanda-tanda alahan merebak ke bahagian-bahagian badan lain, atau
- Jika dengan tiba-tiba anda rasa tidak sihat dan mula berpeluh-peluh; mula sakit (muntah-muntah); mengalami kesukaran bernafas, mengalami denyutan jantung pantas; berasa pening.

Insulatard®

100 IU/ml

Suspensi untuk suntikan

Dalam pen, FlexPen®

Insulin human (rDNA) (isophane insulin)

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Diabetic retinopathy (masalah penglihatan berkaitan kencing manis yang boleh menyebabkan kehilangan penglihatan). Jika anda mengalami *diabetic retinopathy* dan paras gula darah anda bertambah baik sangat cepat, *retinopathy* mungkin menjadi lebih teruk. Tanya doktor anda tentang ini.

Sendi-sendi yang bengkak. Apabila anda mula mengambil insulin, pengumpulan air boleh menyebabkan bengkak di sekeliling buku lali dan sendi-sendi lain. Kebiasaannya ini akan hilang dengan segera.

Kesan-kesan sampingan yang sangat jarang berlaku

Masalah-masalah penglihatan. Apabila anda memulakan rawatan insulin anda, ia mungkin mengganggu penglihatan anda, tetapi gangguan ini selalunya sementara.

Kesakitan neuropathy (sakit disebabkan kerosakan saraf). Jika paras gula darah anda meningkat dengan cepat, anda mungkin mengalami kesakitan berkaitan saraf, ini dipanggil sebagai kesakitan akut saraf dan selalunya secara sementara.

Tindak balas alahan teruk kepada Insulatard® atau salah satu kandungannya (dipanggil tindak balas alahan sistemik). Sila lihat amaran di bahagian 3. *Sebelum mengambil Insulatard®.*

Jika sebarang kesan-kesan sampingan ini bertambah teruk, atau anda menyedari kesan-kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila maklumkan kepada doktor, jururawat atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan

Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

7. Cara penyimpanan dan pelupusan Insulatard®

- Penyimpanan

Jauhkan daripada capaian dan penglihatan kanak-kanak.

Jangan gunakan Insulatard® selepas tarikh luput yang dinyatakan pada label dan karton selepas 'Expiry'. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Insulatard® FlexPen® yang tidak digunakan hendaklah disimpan dalam peti sejuk pada 2°C - 8°C, jauh daripada elemen penyejuk. Jangan bekukan. Jika terdapat 6 bulan atau lebih sehingga tarikh luput, produk boleh disimpan di luar peti sejuk (di bawah 30°C) sehingga 4 minggu sebelum ia digunakan atau dibawa sebagai alat ganti. Produk tidak boleh dikembalikan ke peti sejuk selepas ia disimpan di luar peti sejuk. Sila catatkan permulaan penyimpanan di luar peti sejuk pada karton produk.

Insulatard® FlexPen® yang digunakan atau dibawa sebagai ganti tidak boleh disimpan dalam peti sejuk. Selepas mengeluarkannya dari peti sejuk, adalah digalakkan untuk membiarkannya mencapai suhu bilik sebelum mengampai semula insulin seperti diarahkan untuk kegunaan kali pertama. Anda boleh membawanya bersama anda dan simpan pada suhu bilik (di bawah 30°C) hingga selama 6 minggu.

Sentiasa memastikan penutup pen ditutup pada FlexPen® anda apabila anda tidak menggunakannya untuk melindungi daripada cahaya.

Insulatard® mesti dilindungi daripada haba dan cahaya berlebihan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dibuang melalui air kumbahan atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Cara-cara ini akan membantu melindungi persekitaran.

8. Maklumat lanjut

- Rupa and warna produk

Ampaian bagi suntikan ini adalah ampaian keruh, putih dan cecair.

Ia dibekalkan dalam pek 1, 5 atau 10 pen dengan isi kandungan 3 ml (bukan semua saiz pek akan dipasarkan).

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Insulin human, dibuat daripada bioteknologi rekombinan. Insulatard® ialah ampaian insulin *isophane* (NPH). 1 ml mengandungi 100 IU insulin manusia. 1 pen mengandungi 3 ml bersamaan dengan 300 IU.

- Bahan tidak aktif

Zink klorida, gliserol, *metacresol*, fenol, *disodium phosphate dihydrate*, natrium hidroksida, asid hidroklorik, *protamine sulphate* dan air bagi suntikan.

- Nombor MAL

MAL13115135ASZ

MAL19987352AZ

MAL21066009ASZ

9. Pengilang

Insulatard®

100 IU/ml

Suspensi untuk suntikan

Dalam pen, FlexPen®

Insulin human (rDNA) (isophane insulin)

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Novo Nordisk A/S
Novo Allé, DK-2880,
Bagsværd, Denmark.

Novo Nordisk Produção Farmacêutica
do Brasil Ltda.
Avenida C, 1413, Distrito Industrial
Montes Claros - Minas Gerais
Brazil 39404-004

Novo Nordisk Production SAS
45 Avenue d'Orléans, F-28000
Chartres, France

10. Pemegang Pendaftaran Produk

Novo Nordisk Pharma (Malaysia)
Sdn. Bhd.
Menara 1 Sentrum, Level 16
No. 201 Jalan Tun Sambanthan
50470 Kuala Lumpur
Malaysia

11. Tarikh kemaskini RiMUP

23/12/2024

Nombor Siri

NPRA(R3/01)20122024/0338

Insulatard®

100 IU/ml

Suspensi untuk suntikan

Dalam pen, FlexPen®


Insulin human (rDNA) (isophane insulin)

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Arahan tentang cara menggunakan ampaian Insulatard® untuk suntikan dalam FlexPen®

Sila baca arahan berikut dengan teliti sebelum menggunakan FlexPen® anda. Sekiranya anda tidak mematuhi arahan dengan teliti, anda mungkin mendapat terlalu sedikit atau terlalu banyak insulin, yang boleh menyebabkan paras gula darah terlalu tinggi atau terlalu rendah.

FlexPen® anda adalah pen insulin dial-a-dos yang telah dipenuhi. Anda boleh memilih dos dari 1 hingga 60 unit dalam peningkatan 1 unit. FlexPen® direka untuk digunakan dengan jarum NovoFine® atau NovoTwist® sehingga 8 mm panjang. Sebagai langkah berjaga-jaga, sentiasa membawa peranti penghantaran insulin ganti sekiranya FlexPen® anda hilang atau rosak.



Menjaga pen anda

FlexPen® anda mesti ditangani dengan berhati-hati. Sekiranya ia jatuh, rosak atau hancur, terdapat risiko kebocoran insulin. Ini boleh menyebabkan dos yang tidak tepat, yang boleh menyebabkan tahap gula darah terlalu tinggi atau terlalu rendah.

Anda boleh membersihkan bahagian luar FlexPen® anda dengan mengelapkannya dengan kapas

berubat. Jangan merendamnya, membasuh atau melincirkannya kerana ia mungkin akan merosakkan pen.

Jangan mengisi semula FlexPen® anda. Setelah kosong, ia mesti dilupuskan.

Menyediakan Insulatard® FlexPen® anda

A

Semak nama dan label berwarna pen anda untuk memastikan ia mengandungi jenis insulin yang betul. Ini amat penting jika anda mengambil lebih daripada satu jenis insulin. Jika anda mengambil jenis insulin yang salah, paras gula darah anda mungkin terlalu tinggi atau terlalu rendah.

Setiap kali anda menggunakan pen baru

Biarkan insulin mencapai suhu bilik sebelum anda menggunakannya. Ini menjadikannya mudah untuk mengampai semula.

Tarik penutup pen (lihat A).



B


Sebelum suntikan pertama anda dengan pen baru, anda mesti mengampai semula insulin:

Gerakkan pen ke atas dan ke bawah di antara kedua-dua posisi sebanyak 20 kali, supaya bola kaca beralih dari satu hujung kartrij ke hujung yang lain. Ulangkani sehingga cecair muncul putih dan mendung.

Untuk setiap suntikan seterusnya, gerakkan pen ke atas dan ke bawah di antara kedua-dua posisi sekurang-

kurangnya 10 kali sehingga cecair muncul putih dan mendung.

Sentiasa pastikan bahawa anda telah mengampai semula insulin sebelum setiap suntikan. Ini mengurangkan risiko paras gula darah terlalu tinggi atau terlalu rendah. Selepas anda mengampaikan semula insulin anda, habiskan langkah-langkah suntikan berikut tanpa berlengah-lengah.



⚠️ Selalu periksa supaya ada sekurang-kurangnya 12 unit insulin tinggal di dalam kartrij untuk membolehkan pengampaikan semula. Jika terdapat kurang daripada 12 unit, gunakan pen yang baru. 12 unit ditandakan pada skala sisa. Lihat gambar besar di atas arahan ini.

Memasangkan jarum

C

Buangkan tab kertas daripada jarum pakai buang yang baru.

Skrukan jarum pada FlexPen® anda dengan lurus dan ketat.



D

Tanggalkan penutup luar jarum dan simpankan untuk kemudian.

Insulatard®

100 IU/ml

Suspensi untuk suntikan

Dalam pen, FlexPen®

Insulin human (rDNA) (isophane insulin)

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)



E

Tanggalkan penutup dalam jarum dan buangkannya.

Jangan sekali-kali cuba meletakkan penutup dalam jarum pada jarum. Anda boleh terkena cucukan jarum.



⚠ Sentiasa guna jarum baru untuk setiap suntikan. Ini mengurangkan risiko pencemaran, jangkitan, kebocoran insulin, jarum yang disekat dan dos yang tidak tepat.

⚠ Berhati-hati supaya tidak membengkokkan atau merosakkan jarum sebelum diguna.

Menyemakkan saluran insulin

F

Sebelum setiap suntikan, sedikit udara mungkin akan berkumpul di dalam kartrij semasa penggunaan biasa. Untuk mengelakkan menyuntik udara dan memastikan dos yang betul:

Putarkan pemilih dos untuk memilih 2 unit.



G

Pegang FlexPen® anda dengan jarum menuju ke atas dan ketuk kartrij dengan lembut menggunakan jari anda beberapa kali supaya sebarang buih udara yang ada akan berkumpul di bahagian atas kartrij.




H

Sambil mengarahkan jarum ke atas, tekan butang tolak sampai habis. Pilih dos kembali ke 0.

Satu titik insulin harus muncul pada hujung jarum. Jika tidak, tukarkan jarum dan ulangan prosedur tidak lebih daripada 6 kali.

Jika satu titik insulin masih tidak muncul, pen itu rosak, dan anda mesti gunakan yang baru.



⚠ Sentiasa pastikan bahawa titisan muncul pada hujung jarum sebelum anda menyuntik. Ini memastikan aliran insulin. Sekiranya tiada titisan muncul, anda tidak akan menyuntik sebarang insulin, walaupun pemilih dos mungkin bergerak. Ini mungkin menunjukkan jarum yang disekat atau rosak.

⚠ Sentiasa periksa aliran sebelum anda menyuntik. Jika anda tidak memeriksa aliran, anda mungkin

mendapat sedikit insulin atau tidak ada insulin sama sekali. Ini boleh mengakibatkan tahap gula darah yang terlalu tinggi.

Memilih dos anda

I

Semak bahawa pemilih dos ditetapkan pada 0.

Putarkan pemilih dos untuk memilih bilangan unit yang anda perlu suntik.

Dos boleh dibetulkan sama ada naik atau turun dengan memutar pemilih dos dalam mana-mana arah sehingga sukatan betul berbaris dengan penunjuk. Apabila memutar pemilih dos, berhati-hati supaya tidak menekan butang tolak kerana insulin akan terkeluar.

Anda tidak boleh memilih dos yang lebih besar daripada bilangan unit yang tertinggal dalam kartrij.



⚠ Sentiasa gunakan pemilih dos dan penunjuk untuk melihat berapa unit yang telah anda pilih sebelum menyuntik insulin.

⚠ Jangan mengira klik pen. Jika anda memilih dan menyuntikkan dos yang salah, paras gula darah anda mungkin terlalu tinggi atau terlalu rendah. Jangan gunakan

Insulatard®

100 IU/ml

Suspensi untuk suntikan

Dalam pen, FlexPen®

Insulin human (rDNA) (isophane insulin)

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

skala sisa, ia hanya menunjukkan kira-kira berapa banyak insulin yang ditinggal dalam pen anda.



⚠ Jangan berkongsi pen anda dengan orang lain. Ubat anda mungkin membahayakan kesihatan mereka.

Membuat suntikan

J

Masukkan jarum ke dalam kulit anda. Gunakan teknik suntikan yang ditunjuk oleh doktor atau jururawat anda.

Suntikkan dos dengan menkan butang tolak sampai habis sehingga 0 berbaris dengan penunjuk. Berhati-hati untuk menolak butang tolak hanya semasa anda membuat suntikan.


Memutarakan pemilih dos tidak akan mengeluarkan insulin.



L

Masukkan jarum ke dalam penutup luar jarum tanpa menyentuhnya. Setelah jarum ditutupkan, tolak penutup luar jarum untuk rapatkannya dengan berhati-hati, kemudian tanggalkan jarum.

Buangkan jarum tersebut dengan berhati-hati dan tutupkan pen dengan penutupnya.



⚠ Sentiasa jaga pen dan jarum anda daripada pandangan dan capaian orang lain, terutamanya kanak-kanak.

K

Pastikan butang-tolak ditekan sampai habis dan biarkan jarum di bawah kulit selama sekurang-kurangnya 6 saat. Ini akan memastikan anda mendapat dos yang penuh.

Keluarkan jarum daripada kulit, kemudian lepaskan tekanan pada butang tolak.

Sentiasa pastikan pemilih dos kembali ke 0 selepas suntikan. Sekiranya pemilih dos berhenti sebelum ia kembali ke 0, dos penuh tidak disampaikan, yang mungkin mengakibatkan paras gula darah terlalu tinggi.

⚠ Sentiasa tanggalkan jarum selepas setiap suntikan dan simpankan FlexPen® anda tanpa jarum disambungkan. Ini mengurangkan risiko pencemaran, jangkitan, kebocoran insulin, jarum yang disekat dan dos yang tidak tepat.

Maklumat Lanjut

⚠ Pengasuh harus berhati-hati apabila mengendalikan jarum yang terpakai untuk mengurangkan risiko terkena cucukan jarum dan jangkitan silang.

⚠ Buangkan FlexPen® anda yang telah habis diguna tanpa jarum disambungkan.

⚠ Jangan berkongsi pen atau jarum anda dengan orang lain. Ia mungkin membawa kepada jangkitan silang.